

KUALA LUMPUR, 3 OGOS (BERNAMA) -- DEWAN RAKYAT HARI INI MELULUSKAN RANG UNDANG-UNDANG PINDAAN PERLEMBAGAAN ANTARA LAIN MEMPERUNTUKKAN TAMBAHAN KERUSI BAGI DEWAN RAKYAT DAN DEWAN-DEWAN NEGERI.

SERAMAI 136 DARIPADA 145 ANGGOTA MENYOKONG RANG UNDANG-UNDANG ITU SEMENTARA SEMBILAN YANG TERDIRI DARIPADA ANGGOTA-ANGGOTA PEMBANGKANG DAP MENENTANG.

ANTARA YANG MENYOKONG RANG UNDANG-UNDANG ITU IALAH PARA ANGGOTA DEBAS DAN WAKIL-WAKIL DARI PARTI HISBUL MUSLIMIN (HAMIM).

DEWAN JUGA MENOLAK USUL KETUA PEMBANGKANG ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-KOTA MELAKA) SUPAYA RANG UNDANG-UNDANG ITU DIRUJUKKAN KEPADA JAWATANKUASA PILIHAN PARLIMEN SEBELUM DILULUSKAN. -- LAGI 1926/MD

NNNN

ZCZC B679

PARLIMEN-PERLEMBAGAAN 2 KUALA LUMPUR

KETIKA MENGGULUNG PERBAHASAN, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENOLAK DAKWAAN PEMIMPIN PEMBANGKANG BAHAWA KERAJAAN MEMINDA PERLEMBAGAAN SEWENANG-WENANGNYA.

MEMANDANGKAN KERAJAAN PERLU MENGEMUKAKAN PINDAAN PERLEMBAGAAN BAGI MENAMBAH KERUSI PARLIMEN DAN DEWAN NEGERI, PINDAAN SESUAI PERLU JUGA DIBUAT UNTUK BAHAGIAN-BAHAGIAN LAIN PERLEMBAGAAN YANG TIDAK SEGITU JELAS.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA TEKanan KEPADA PERWAKILAN DARI KAWASAN LUAR BANDAR KERANA PENDUDUK DI KAWASAN TERSEBUT DIABAIKAN SEJAK ZAMAN PENJAJAH LAGI.

WAKIL-WAKIL DALAM MAJLIS PERUNDANGAN DI KETIKA ITU DILANTIK DARIPADA KALANGAN MEREKA YANG TINGGAL DI BANDAR YANG KURANG MEMPEDULIKAN NASIB PENDUDUK-PENDUDUK DI LUAR BANDAR, KATANYA.

SETELAH MERDEKA, KERAJAAN BERPENDAPAT KESALAHAN LEBIH 100 TAHUN OLEH PENJAJAH TERHADAP MEREKA PERLU DIPERBAIKI, TAMBAH BELIAU. -- LAGI 1930/MD

PARLIMEN-PERLEMBAGAAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR SELANJUTNYA BERKATA KAWASAN PARLIMEN LUAR BANDAR LEBIH SUKAR DI AWASI DARIPADA KAWASAN YANG TERLETAK DI BANDAR-BANDAR.

UMPAMANYA KAWASAN PILIHANRAYA LIPIS DI PAHANG SAMA BESARNYA DENGAN SELURUH NEGERI SEMBILAN.

DALAM MENENTUKAN SESUATU KAWASAN PILIHANRAYA ITU LUAS KAWASAN, TABURAN PENDUDUK DAN KEADAAN TOPOGRAFINYA JUGA DIPERHITUNGGAN DAN TIDAK SEMATA-MATA BILANGAN PENGUNDI, JELASNNYA.

JIKA PERTIMBANGAN HANYA DIBERIKAN KEPADA BILANGAN PENGUNDI, SESUATU KAWASAN PILIHANRAYA DI LUAR BANDAR AKAN MENJADI TERLALU BESAR.

UNTUK MENGELAKKAN KESULITAN PENTADBIRAN, PENYUSUNAN SEMULA GARIS SEMPADAN KAWASAN PILIHANRAYA JUGA MEMPASTIKAN SEMPADANYA TIDAK BERTINDEH ANTARA DAERAH DENGAN DAERAH YANG LAIN, TAMBAHNYA.

-- LAGI 1937/MD.

PARLIMEN-PERLEMBAGAAN 4 KUALA LUMPUR

MENYENTUH CADANGAN WAKIL LUMUT ENCIK NG CHENG KUI SUPAYA KAWASAN PILIHANRAYA DI BAHAGIKAN MENURUT NISBAH PENDUDUK LAITU 60: 30: 10 (MELAYU: CINA: INDIA), BELIAU BERKATA LANGKAH MEMECAHKAN PENDUDUK ITU +AMAT BERBAHAYA+.

+PRINSIP BARU+ ITU TIDAK DAPAT DITERIMA KERANA IA AKAN MENJELAS PERPADUAN DAN BERTENTANGAN DENGAN PERLEMBAGAAN NEGARA, +TEGASNYA.

MENGENAI PERMINTAAN WAKIL-WAKIL KAPIT, BUKIT MAS DAN LAMBIR SUPAYA KAWASAN PILIHANRAYA DI SARAWAK DITAMBAH, BELIAU BERKATA INI AKAN DIBERI PERTIMBANGAN SAKSAMA APABILA KAJIAN SEMULA DIBUAT DALAM TAHUN 1985.

MENGENAI SYOR WAKIL KAPIT DATUK LEONARD LINGGI JUGAH SUPAYA BILANGAN HAKIM DAN MAJISTRET DI SARAWAK DI TAMBAH, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA JUMLAH YANG ADA SEKARANG ADALAH MEMADAI.

KELAMBATAN MENDENGAR KES-KES BUKAN KERANA KEKURANGAN PEGAWAI PENGADILAN TETAPI KETIADAAN SAKSI KETIKA DIPERLUKAN SERTA PERMOHONAN PENANGGUHAN OLEH PIHAK-PIHAK TERLIBAT.

MENGENAI CADANGAN SUPAYA DIWUJUDKAN DUA PERINGKAT MAHKAMAH RAYUAN, BELIAU BERKATA MAHKAMAH PERSEKUTUAN SEBAGAI MAHKAMAH RAYUAN TERAKHIR TELAH MENJALANKAN FUNGSI DENGAN MEMUASKAN.

SEBUAH MAHKAMAH RAYUAN BERASINGAN UNTUK KES-KES CIVIL

TIDAK PERLU. kala tidak ada seorangpun berkecuali